

17 AUG 2004

ABDULLAH-AUTOMOTIF

KELUAR KENDERAAN BERKUALITI BAGI HADAPI PERSAINGAN, ABDULLAH

GURUN, 17 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata syarikat tempatan yang terlibat dalam industri automotif harus mengambil langkah menjadi pengeluar kenderaan yang berkualiti bagi menghadapi persaingan pasaran industri berkenaan.

Perdana Menteri berkata, dengan terbukanya pasaran automotif serantau pada masa depan persaingan dalam sektor berkenaan akan menjadi semakin hebat.

Katanya, pengeluar dan pemasang kenderaan tempatan hendaklah mengambil langkah mempertingkatkan kualiti dan daya saing itu mulai hari ini.

"Sehubungan itu pengusaha automotif tempatan semestinya mempunyai perancangan yang lebih ketara untuk mempertingkatkan kemampuan bersaing dari segi kualiti dan harga di pasaran tempatan dan antarabangsa," katanya pada majlis perasmian Kilang Naza Automotive Manufacturing, di sini, hari ini.

Teks ucapannya dibacakan Menteri Kewangan II Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Abdullah berkata, industri automotif juga perlu disokong syarikat vendor dan pembekal komponen yang berwibawa untuk membolehkan pembangunan yang lebih pesat.

Katanya, pihak yang berminat untuk menceburi bidang pembekalan komponen mestilah berusaha meningkatkan kualiti supaya automobil buatan tempatan menjadi kebanggaan pembeli.

Bagi tujuan itu, pembekal seharusnya menggunakan kaedah yang terkini supaya produk yang dikeluarkan mampu berdaya saing di pasaran dari segi kos dan dalam perkara berkenaan pelaburan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) amat penting.

"Tanpa R&D yang mencukupi, pembekal tidak dapat meningkatkan kecekapan masing-masing, mereka akan ketinggalan arus dan ini akan membawa kesan yang buruk kepada industri automotif tempatan," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan terus mengalu-alukan projek usahasama seperti yang dilakukan oleh Syarikat Kumpulan Naza itu kerana ianya dapat mencetuskan pelbagai kegiatan ekonomi, seperti perumahan, penginapan, pendidikan dan kesihatan.

Katanya, industri automotif telah lama bertapak di negara ini dengan tertubuhnya kilang pemasangan dan pembuatan oleh syarikat perkongsian tempatan.

"Dahulu, teknologi dalam bidang itu dari Jepun, tetapi dengan berkembangnya potensi pasaran, produk automotif syarikat dari negara lain telah mengambil kesempatan menjadikan negara ini destinasi eksport dan pengkalan pengeluaran yang penting.

"Kini kumpulan Naza telah memilih teknologi Korea dengan mengambil KIA Motor Corporation sebagai rakan niaga, walaupun Korea peserta baru dalam industri automotif antarabangsa, syarikat automotif dari Korea telah dapat membuktikan kemampuan mereka bersaing di peringkat antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Naza Tan Sri S.M Nasimuddin S.M. Amin ketika berucap di majlis itu berkata, kilang itu yang dibina di kawasan seluas 60 hektar itu mempunyai keupayaan mengeluarkan 50,000 unit kenderaan setahun, dengan kos pelaburan RM300 juta.

Katanya, kilang itu memulakan operasi awal bulan ini dengan 600 tenaga kerja.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed

Razak Syed Zain, Duta Korea Lee Young-June, Naib Presiden Eksekutif KIA Motor Corp J.M. Park dan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

MZM FAY AZR AHM